

Praktis 3

Soalan 1 – 2

Lengkapkan ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 Pemuda itu _____ dalam perjalanan ke Pasir Gudang untuk menghadiri temu duga.
A mahu C sedang
B pernah D hendak
- 2 Hanya _____ orang murid di kelas itu yang meminati sukan sepak takraw.
A berapa C setengah
B beberapa D seberapa

Soalan 3 – 4

Pilih ayat-ayat yang menggunakan **perkataan** berhuruf condong dengan betul.

- 3 I *Setengah* penduduk di kampung ini berbangsa Melayu.
II *Setengah* kilogram tepung diperlukan untuk membuat kek itu.
III Masa perjalanan dari pekan Tanjong Karang ke Kuala Selangor lebih kurang *setengah* jam sahaja.
IV *Setengah* daripada pendapatan bulanan Iskandar digunakan untuk membiayai perbelanjaan keluarga.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja
- 4 I Batrisya *memotong* kek hari lahirnya dengan berhati-hati.
II Hameed ditegur oleh ayahnya kerana dia *memotong* percakapan ibunya.
III Majikan diingatkan supaya tidak *memotong* gaji pekerja sesuka hati.
IV Ganesh *memotong* tanah itu untuk dijadikan tapak semaian.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

Soalan 5 – 6

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak. Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

- 5 Semua guru-guru diminta untuk berkumpul di bilik mesyuarat sekarang.
A Semua guru
B Seluruh guru
C Para-para guru
D Semua guru-guru
- 6 Pada zaman teknologi maklumat dan komunikasi ini, semua urusan hanya di hujung jari.
A Di zaman teknologi maklumat
B Dengan zaman teknologi maklumat
C Di dalam zaman teknologi maklumat
D Pada zaman teknologi maklumat

Soalan 7 – 8

Pilih ayat-ayat yang betul.

- 7 I Rakan sebaya dapat mempengaruhi golongan remaja untuk melakukan kelakuan salah laku.
II Syazwani berjaya mencipta sistem penapis air yang dipacu oleh tenaga solar.
III Kempen Rumahku Syurgaku dilancarkan sebagai satu cara untuk melahirkan masyarakat penyayang.
IV Seseengah penduduk di kampung itu bekerja dalam sektor penternakan.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja
- 8 I Nama anak bongsunya ialah Puteri Qistina Damia.
II Penduduk taman perumahan itu bersepatat untuk mengadakan hari keluarga pada bulan hadapan.
III Kisah yang ditulisnya itu tidak benar tetapi merupakan cerita semata-mata.

IV Rahim mengambil masa sebentar untuk tiba di rumah ibunya.

- A I dan II sahaja
- B III dan IV sahaja
- C I, II dan III sahaja
- D II, III dan IV sahaja

Soalan 9

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

9 Pihak polis perlu membuat rondaan dan pemantauan dengan lebih kerap di kawasan yang berisiko tinggi bagi membanteras kes jenayah di negara kita.

- A Kes jenayah di negara kita boleh dipantau dan pihak polis perlu meronda kawasan berisiko tinggi.
- B Kes jenayah perlu dipantau oleh pihak polis di kawasan yang berisiko dengan meronda dan memantau.
- C Bagi membanteras kes jenayah di negara kita pihak polis perlu lebih kerap membuat rondaan dan pemantauan di kawasan yang berisiko tinggi.
- D Pihak polis perlu membanteras kes jenayah dengan meronda dan memantau kawasan yang berisiko tinggi.

Soalan 10

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

Biar putih tulang jangan putih mata

10 Peribahasa di atas memberikan pengajaran supaya

- A tidak memburukkan orang lain
- B sekiranya kita bersatu semua kerja akan jadi mudah
- C sesuatu yang diperoleh lebih daripada yang diharapkan
- D lebih baik mati berjuang daripada menanggung malu menyerah kalah

Soalan Tambahan

Soalan 1

Bahagian yang bergaris dalam ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak. Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

- 1 Pasangan warga emas itu diperdaya oleh seorang lelaki yang datang ke rumah mereka.
- A diperdayakan lelaki
 - B diperdayai oleh seorang lelaki
 - C diperdayakan akan seorang lelaki
 - D diperdaya oleh seorang lelaki

Soalan 2

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

2 Encik Shamrin memberikan wang belanja kepada Hafiz untuk membeli buku.

- A Hafiz meminta wang belanja Encik Shamrin untuk membeli buku.
- B Hafiz dan Encik Shamrin mendapat wang belanja untuk membeli buku.
- C Hafiz mendapat wang belanja daripada Encik Shamrin untuk membeli buku.
- D Encik Shamrin mendapat wang belanja daripada Hafiz untuk membeli buku.

Soalan 3

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

alang-alang menyeluk pekasam,
biar sampai ke pangkal lengan

3 Peribahasa yang sama maksud dengan peribahasa di atas ialah

- A alang-alang berdakwat, biar hitam
- B biar tersalah kain, jangan tersilap cakap
- C berat sama dipikul, ringan sama dijinjing
- D sekali air bah, sekali pantai berubah